


PERTANDINGAN DEBAT ALAM SEKITAR PERINGKAT IPT KALI KE-18 2008

Oleh : Sayang Nurshahrizleen Ramlan

Pertandingan Debat Alam Sekitar peringkat IPT Kali Ke-18 2008 yang berlangsung pada 25 hingga 29 Julai telah pun berlalu dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM) muncul johan, sekali gus menggagalkan impian Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) untuk mempertahankan kejuaraan bagi kali keempat berturut-turut. Debat tahunan peringkat akhir yang berlangsung di Universiti Malaysia Sabah (UMS) itu sebelum ini diungguli UIAM pada 2005, 2006 dan 2007. Tahniah untuk kejuaraan julung kali buat pasukan UITM dalam pertandingan debat alam sekitar kali ini. Seperti menepati ramalan ramai pihak, pasukan UiTM dan UIAM berjaya memboloskan diri sehingga ke peringkat akhir.

UiTM yang membawa pulang hadiah Piala Pusingan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, wang tunai RM8,000 dan sijil penyertaan itu diwakili oleh Shahrulnizam Ahmad, Farah Sabirin, Mohd. Nizamuddin Abd. Hamid dan Zarul Azhar Nasir (simpanan). UIAM yang meraih hadiah wang tunai RM5,000 dan sijil penyertaan itu tetap berpuas hati apabila seorang pendebatnya, Farhan Nor Diyana Samsudin terpilih sebagai pendebat terbaik sekali gus membawa pulang Piala Ketua Pengarah, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan wang tunai RM1,500. UIAM sebagai pasukan pencadang debat bertajuk 'Kita cukup serius menangani isu alam sekitar' itu turut diwakili oleh Muhammad Izzat Md. Jonid, Syazwan Shuhaimi dan Mohd. Firdaus Zainal Abidin (simpanan).

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Senator Datuk Maznah Mazlan menyampaikan hadiah kepada para pemenang bagi mewakili Menteri, Datuk Douglas Unggah Embas. Maznah semasa berucap pada majlis itu berkata, pendedahan mengenai kesedaran alam sekitar kepada generasi muda perlu diperluaskan dalam usaha mengurangkan kadar pencemaran alam



pada masa akan datang.

Apa yang menarik pertandingan kali ini, beberapa perlawanan sama ada peringkat pusingan awal, suku akhir, separuh akhir mahupun peringkat akhir itu sendiri berjaya menunjukkan kesemua IPT yang bertanding mempunyai tahap perlawanan cukup memberangsangkan jika dilihat dari sudut kritikan dikalangan juri yang membuat penghakiman. Rata-rata IPT memperlihatkan keupayaan konsep dan penghujahan yang cukup terkawal dan adanya dinamik persembahan yang meyakinkan ini telah berjaya memikat juri dan penonton yang melihat. Pasukan debat UniMAP pula yang pertama kali diberisi oleh gabungan pendebat senior dan junior iaitu Khairul Afham Abdul Karim, Somchai A/P Nai Peroi, Mohd. Zulkifly Mohd. Shariff dan Norazura Ahmad telah berusaha sedaya-upaya memperbaiki prestasi UniMAP kali ini dengan kedudukan UniMAP di tempat ke-14 dari 24 buah IPT yang bertanding, 3/6 kemenangan, juri 8 dan margin -1. Tiga kemenangan tersebut diperolehi setelah berhadapan dengan UNIMAS, UMP dan UTHM. Pendebat terbaik bagi pusingan awal tersebut dimenangi oleh pendebat UniMAP iaitu Saudara Mohd. Zulkifly sebanyak dua kali diikuti oleh Saudari Somchai dan Saudari Norazura. Peningkatan positif ini menjadi satu perangsang kepada pasukan untuk berazam meningkatkan lagi prestasi mereka dalam pertandingan akan datang.

Secara peribadi, Saudara Zul Fadli, Nizamuddin dan Saudari Farhan Nor Diana yang bertindak selaku pendebat ketiga bagi pasukan UM, UiTM dan UIAM antara pasukan yang ke peringkat separuh akhir merupakan contoh terbaik bagi kalangan pendebat dalam melihat teknik bidasan yang berkesan untuk mempertahankan pasukan dan mematikan pasukan lawan. Ketiga-tiga pendebat ini mempunyai variasi tersendiri dalam membidas, di samping elemen komunikasi yang tidak membosankan membuatkan yang melihat terus "sebat" mendengar tutur bicara mereka. Sementara itu, Saudara Ali Asyraf dan Khairul Ehsan yang mewakili pendebat kedua dari pasukan UM dan UMS pula merupakan kalangan pendebat yang cukup baik dari segi penjelasan fakta dan penghujahan yang dilakukan. Struktur penghujahan mereka cukup terkawal, dengan sumber berautoriti dan penjelasan fakta yang mudah untuk difahami, memberi kelebihan mereka untuk membina tembok pengukuhan terhadap kekuatan pasukan semasa bertanding.

Sekadar ingin memberikan contoh yang berguna, bagi menjadi panduan terbaik ketika berdebat. Apa yang penting, keberkesaan untuk menyampaikan sesuatu ketika berdebat, merupakan elemen asas yang perlu dimiliki oleh setiap pendebat. Keberkesaan merujuk kepada perkara seperti persembahan yang lebih bersahaja dan terbuka, struktur yang jelas, penghujahan yang bernas beserta contoh dan bukti kontemporari dan paling penting berupaya menguasai pemahaman tentang sesuatu tajuk yang dibahaskan. Rumusan keseluruhan ini adalah ramuan terbaru yang ditemui selesai sahaja debat alam sekitar baru-baru ini. Semoga apa yang terbaik dijadikan panduan dan peringatan setiap masa dan segala kelemahan yang melanda dijadikan pengajaran untuk masa akan datang.